

→ SIHAT



Sawan menyebabkan badan bayi kejang.

Info

→ **Setiap 100 kanak-kanak**, lima akan mengalami sawan demam.

→ **Punca**
- Demam dengan suhu mencecah 39 darjah Celsius.
- Keturunan- selalunya ibu, ayah atau keluarga terdekat juga mempunyai sejarah sawan demam ketika kanak-kanak.

→ **Adakah sawan demam berulang?**
- Terdapat kebarangkalian berulang selepas serangan pertama tetapi selepas usia enam tahun serangan tidak akan berulang.

→ **Suhu normal:**
- Bayi : 36.1 - 37.7 darjah Celsius.
- Dewasa : 36.5 - 37.5 darjah Celsius.

Sawan demam akibat suhu terlalu panas

→ *Dapatkan rawatan segera jika tempoh serangan lebih dua minit*



Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Adam Zakri (bukan nama sebenar), dua tahun, adalah anak sulung kepada Jamila (bukan nama sebenar), sentiasa aktif dan sihat. Bulan lalu, Adam mengalami sakit tekak, muntah-muntah dan demam panas melebihi 39 darjah Celsius.

Ketika ibunya sedang menyuap minuman, badan Adam secara tiba-tiba menjadi kejang dan matanya menjuling ke atas. "Adam, Adam!" Jamila menjerit ketakutan, tetapi Adam seperti tidak sedar dan tidak memberi sebarang tindak balas.

Jamila cemas, lantas membuka baju Adam dan mengelap badannya dengan air sehingga suhu badan turun semula. Selepas beberapa minit, Adam mula merengok dan kembali sedar seperti biasa. Pensyarah Perubatan (Neurologi), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wan Aliaa Wan Sulaiman, berkata kes yang berlaku ke atas Adam ini adalah contoh

serangan sawan demam (*febrile fits*) atau dikenali dengan sawan tarik. "Serangan ini adalah sejenis penyakit sawan akibat demam panas dalam kalangan kanak-kanak berusia tiga bulan hingga enam tahun. "Sawan demam bukan disebabkan masalah lain seperti jangkitan kuman otak (meningitis) atau ketidakseimbangan garam galian di dalam badan," katanya.

Suhu badan terlalu panas
Beliau berkata, sawan demam berlaku apabila suhu badan menjadi terlalu panas, aktiviti sel otak terganggu yang menyebabkan pesakit hilang kesedaran, badan, tangan dan kaki menjadi kejang, pergerakan mata hitam ke atas, air liur meleleh dan terkencing atau termuntah. Kadangkala katanya, episod kekejangan badan akan disusuli dengan pergerakan tangan dan kaki yang berulang-ulang. Bagaimanapun, tempoh sawan selalunya singkat dan tidak melebihi lima minit. Jika sawan berlarutan melebihi dua minit, panggil ambulans atau bawa anak ke unit kecemasan hospital dengan segera. Dalam



Sawan sering berlaku kepada bayi ketika demam.



Serangan ini adalah sejenis penyakit sawan yang berpunca akibat demam panas dalam kalangan kanak-kanak berusia tiga bulan hingga enam tahun

Dr Wan Aliaa Wan Sulaiman
Pensyarah Perubatan (Neurologi), UPM

tempoh itu juga, jika anak anda kembali normal pemeriksaan doktor di hospital masih diperlukan untuk memastikan anak tidak mempunyai masalah lain yang lebih serius. "Situasi seperti ini semestinya mencemaskan untuk setiap ibu bapa tetapi anda dinasihatkan bertenang supaya dapat membantu anak dengan memastikan mereka berada di tempat selamat dan tiada sebarang bahaya di sekelilingnya. "Kenal pasti waktu bermula sawan dan letakkan mereka dalam posisi mengiring ke sebelah kiri," katanya. "Jangan cuba memasukkan sebarang objek seperti sudu atau jari anda ke dalam mulut walaupun anak mengancing gigi," katanya.

Longgarkan pakaian anak
Berhadapan situasi

itu, Dr Wan Aliaa berkata, ibu bapa digalakkan melonggarkan pakaian anak mereka terutama di sekitar leher dan lap badannya dengan air bersuhu bilik bagi menghilangkan haba panas badan ke udara melalui proses penyejukan. Kanak-kanak yang hanya mengalami sawan demam saja kata beliau, lazimnya tidak ada masalah atau komplikasi dan berupaya membesar secara normal tanpa sebarang kesan negatif jangka panjang akibat sawan. Ibu bapa tidak perlu terlalu bimbang kerana penyakit ini secara umumnya tidak bahaya dan tidak akan mendatangkan kesan jangka masa panjang kronik kepada pesakit. Tambahan lagi, kebanyakan kanak-kanak yang mengalami masalah sawan demam tidak

lagi akan mengalami masalah ini selepas usia mencecah enam tahun. **Jejas sistem otak**
Namun, ibu bapa perlu mengetahui apa yang perlu dilakukan ketika serangan sawan demam sebagai langkah awal menangannya. Setiap kanak-kanak yang mengalami sawan demam di rumah hendaklah dibawa ke hospital dengan segera bagi pemeriksaan lanjut oleh doktor. Bagaimanapun, bagi sesetengah kes yang lebih teruk dengan jangka masa melebihi 15 minit, sel otak mungkin akan terganggu dan pesakit berisiko mendapat sawan epilepsi pada masa akan datang. Sawan yang berlaku bukan susulan daripada demam adalah bukan sawan demam sebaliknya sawan demam akibat masalah lain.

